

TEKS UCAPAN

**YAB DATO' SERI HAJI AMINUDDIN BIN HARUN
MENTERI BESAR
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS**

SEMPENA

**MAJLIS PENYAMPAIAN INSENTIF KEMENANGAN
ATLET NEGERI SEMBILAN KE TEMASYA
SUKAN SEA KE-32, CAMBODIA 2023**

TARIKh : 15 JUN 2023 (KHAMIS)

MASA : 5.00 PETANG

TEMPAT : BALLROOM, KLANA RESORT SEREMBAN

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh
dan Salam Bersih, Muafakat, Sejahtera.
Salam Perpaduan. Salam Malaysia Madani.**

Terima kasih saudara Pengacara Majlis,

**YB Dato' Mohd Zafir bin Ibrahim,
Setiausaha Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan**

**YB Dato' Haji Mohammad Taufek bin Abd Ghani
Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pembangunan
Belia dan Sukan, Negeri Sembilan**

**Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat
Kerajaan Negeri dan Ahli-ahli Yang Berhormat**

**YBhg. Tuan Suhardi Bin Alias
Timbalan Ketua Pengarah, Majlis Sukan Negara
Malaysia**

**YBrs. Dato' Haji Sabuddin bin Haji Sani
Pengarah, Majlis Sukan Negeri, Negeri Sembilan**

**Yang Berbahagia Dato'-Dato', Ketua-ketua
Jabatan, Presiden dan Wakil Persatuan Sukan
Negeri, jurulatih-jurulatih, atlet-atlet, tuan-tuan dan
puan-puan yang dihormati sekalian.**

1. Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Allah SWT atas keizinan dan limpah kurnia-Nya, dapat kita sama-sama hadir dan berkumpul pada petang ini dalam **MAJLIS PENYAMPAIAN INSENTIF**

KEMENANGAN ATLET NEGERI SEMBILAN KE TEMASYA SUKAN SEA KE-32, CAMBODIA 2023.

2. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada barisan urus setia dan semua hadirin yang turut hadir pada hari ini di majlis yang amat bermakna ini. Saya mengambil kesempatan ini mengalru-alukan kehadiran atlet Negeri Sembilan yang telah memenangi pingat di Temasya Sukan SEA Ke-32, yang telah berlangsung di Cambodia pada 5 hingga 17 Mei 2023 yang lalu.

3. Saya dimaklumkan pada hari ini seramai 20 orang atlet Negeri Sembilan yang mewakili negara dan memenangi pingat di temasya Sukan SEA Ke-32, Cambodia akan menerima insentif kemenangan.

4. Kerajaan Negeri Sembilan sangat berbangga dengan pencapaian yang ditunjukkan oleh kesemua atlet Negeri Sembilan yang telah mengambil bahagian dan sekaligus telah mencipta kemenangan di sana. Tahniah dan syabas diucapkan kepada ke semua pemenang pingat Sukan SEA Ke-32.
5. Pada hari ini, Kerajaan Negeri sangat berbesar hati untuk menyampaikan insentif kejayaan kepada atlet negeri yang telah mengharumkan nama Malaysia khususnya di kejohanan sukan bertaraf antarabangsa ini.

Para Hadirin yang Budiman,

6. Saya difahamkan juga, walaupun Kerajaan Persekutuan melalui Majlis Sukan Negara Malaysia

ada memberi insentif kemenangan kepada atlet yang memenangi pingat, kami di peringkat negeri sememangnya turut menghargai dan turut memberikan imbuhan atau insentif kepada atlet.

7. Insentif ini telah diperkenalkan bertujuan untuk meningkatkan, menggalakkan serta memberi motivasi kepada atlet-atlet Negeri Sembilan yang mewakili negara Malaysia di sukan-sukan bertemasya peringkat antarabangsa yang diiktiraf oleh badan induk sukan di Malaysia.

Dato'-Dato', Tuan-tuan, Puan-puan, hadirin sekalian,

8. Hari ini sejumlah **RM42,500.000** akan di sampaikan kepada para pemenang pingat di

Temasya Sukan SEA kali ini. Jumlah insentif ini **bertambah** dari jumlah insentif yang dimenangi oleh atlet Negeri Sembilan di Temasya Sukan SEA yang Ke-31 di Vietnam yang diadakan tahun lalu. Jumlah insentif yang lalu adalah sebanyak **RM19,500.00.**

9. Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Sembilan akan sentiasa memberi sokongan dan kerjasama dengan semua agensi-agensi dan persatuan-persatuan sukan negeri supaya lebih ramai lagi atlet Negeri Sembilan akan mewakili negara nanti.
10. Bagi mencapai hasrat ini program pembangunan akar umbi perlu di perkukuhkan dengan lebih komprehensif di mana pemegang taruh iaitu Jabatan Pendidikan Negeri, Jabatan Belia dan

Sukan Negeri, Persatuan Sukan Negeri dan Sekolah Sukan Negeri perlu saling berkolaborasi untuk melahirkan atlet di peringkat negeri seterusnya dipilih ke peringkat kebangsaan.

11. Syabas dan tahniah diucapkan buat saudara Irfan bin Shamsudin yang sekali lagi memenangi pingat emas dalam sukan olahraga. Saya difahamkan beliau telah memenangi sebanyak 6 kali pingat emas berturut-turut di Temasya Sukan SEA.
12. Tahniah juga kepada saudara Muhammad Haiqal Hanafi, bekas pemenang pingat emas acara 100m di Temasya Sukan SEA 2019 yang lalu tetapi kali ini beliau hanya memenangi pingat gangsa.

13. Sekalung tahniah diucapkan kepada semua atlet yang memenangi pingat. Bukan mudah untuk berjaya tanpa pengorbanan masa, disiplin yang baik dan dorongan ibu bapa penjaga juga merupakan salah satu faktor utama bagi mencapai kejayaan.
14. Bagi menghadapi Temasya Sukan Malaysia pada tahun hadapan yang akan diadakan di Sarawak pada 17 hingga 24 Ogos 2024. Kerajaan Negeri melalui agensinya, Majlis Sukan Negeri Sembilan dan Persatuan Sukan Negeri diminta untuk membuat persiapan awal bagi mencapai prestasi yang lebih baik nanti. Kita akan menghantar atlet atau sukan yang layak dan berpotensi sahaja. Sasaran yang diletakkan kali ini tidaklah begitu membebankan atlet, sebaliknya optimis atlet yang terpilih mampu mencapai kejayaan.

15. Sebelum mengakhiri ucapan, saya sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada atlet-atlet Negeri Sembilan atas kecemerlangan mereka di Temasya Sukan SEA di Cambodia baru-baru ini. Saya berharap semoga kejayaan yang dicipta dapat menjadi pembakar semangat untuk meneruskan usaha mereka sehingga ke tahap yang tertinggi. Saya percaya dengan iltizam, semangat perjuangan dan usaha bersungguh-sungguh, atlet Negeri Sembilan mampu bersaing di peringkat kebangsaan dan seterusnya di persada antarabangsa.

16. Saya akhiri ucapan saya dengan kalimah **Wabillahhitaufik Walhidayah Wassalam Mualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**
Salam Negeri Sembilan, Bersih, Muafakat, Sejahtera. Salam Malaysia Madani.